

**EMBARGO
SEHINGGA
UCAPAN SELESAI**

TEKS UCAPAN

KETUA PENGARAH KERJA RAYA

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT
KETUA PENGARAH KERJA RAYA**

**BERSAMA
WARGA JABATAN KERJA RAYA**

16 JANUARI 2025 (KHAMIS)

**9.00 PAGI
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

SALUTASI

(Akan disediakan berasingan)

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1.0 MUKADIMAH

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan perkenan-Nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi ini. Selamat Tahun Baharu 2025 kepada seluruh warga kerja JKR. Semoga langkahan 2025 ini menyuntik semangat kita untuk terus optimis dan proaktif dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pemegang taruh, In Shaa Allah.

Mengambil kesempatan di sini juga, saya dengan tulus ikhlas ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga JKR atas segala sumbangan, usaha dan komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2024.

Saya mengambil kesempatan di sini bagi pihak warga JKR ingin menzahirkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada:

- YBhg Dato' Ir. Hj. Badioezaman Bin Ab Khalik, mantan TKPKR (Sektor Bangunan),
- YBhg. Datuk Sr Hj. Amran bin Hj. Mohd Majid, mantan TKPKR (Sektor Pakar),
- YBhg. Dato' Ir. Hj Zulkipli Bin Hj Nasri, mantan TKPKR (Sektor Infra), serta

semua 158 orang warga JKR yang telah menamatkan perkhidmatan pada tahun 2024. Terima kasih di atas segala sumbangan, ilmu dan kepakaran serta pengalaman sepanjang berkhidmat di Jabatan Kerja Raya. Jasa bakti yang dicurahkan akan sentiasa tersemat di sanubari warga JKR.

2.0 AMANAT YAB PERDANA MENTERI

Sepertimana yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri, prinsip *striving for excellence* perlu dibudayakan dalam organisasi. Penjawat awam hendaklah berusaha mencari jalan dan kaedah dalam menterjemahkan penyampaian perkhidmatan jabatan. Pada masa yang sama, pemantauan tatakelola perlu diperkuuhkan dan menjadikan budaya integriti sebagai amanah dalam diri setiap warga JKR. Setiap dari kita perlu mempunyai nilai dan etika yang tinggi dalam melaksanakan pekerjaan *Philanthropic Community*: komuniti yang mempunyai nilai dan etika.

Warga JKR perlu sentiasa bersiap-siaga untuk melaksanakan tanggungjawab dan memberikan perkhidmatan yang terbaik, sentiasa menerapkan di dalam diri bahawa setiap tugas yang diamanahkan, perlu dilaksanakan dengan jayanya. Ini supaya kita mendapat keberhasilan yang optimum sebagaimana yang direncanakan.

Sepertimana YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi sebutkan sempena majlis amanat beliau bersama warga kerja raya pada dua (2) hari lepas, '*sense of urgency*' menjadi prioriti dalam pelaksanaan tugas. Kita selaku agensi yang bertanggungjawab dalam menyediakan infrastruktur dan prasarana awam,

perlu bersegera untuk melaksanakan kerja kerana ia melibatkan kepentingan rakyat. Di tahun baharu ini, nyalakan tekad bagi anjakan paradigma sikap kerja untuk lebih proaktif *dan action-oriented* dalam melaksanakan tugas. Bertindak segera bagi setiap isu. “Jangan tunggu viral baru bertindak!”

3.0 IMBASAN 2024

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Alhamdulillah, jabatan tidak ketinggalan dalam merintis teknologi-teknologi baharu. Pelbagai inisiatif yang telah dibangunkan dengan pencapaian yang diterima menjadi *benchmark* membanggakan seterusnya menonjolkan keupayaan serta kemampuan jabatan ini dalam mendukung aspirasi kecemerlangan teknologi.

Tahun 2024 menyaksikan Jabatan berjaya melakar pelbagai kejayaan dan pengiktirafan, antara pengiktirafan yang diperolehi adalah:

- i. JKR Malaysia telah menerima Anugerah Utama Bangunan Kerajaan Terbaik 2024 iaitu **Anugerah Khas Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi kategori Pencahayaan Bangunan Bandar Raya Kuala Lumpur 2024** di Majlis Penyampaian Anugerah Khas Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi Pencahayaan Bangunan Bandar Raya Kuala Lumpur 2024.

- ii. JKR Malaysia turut menerima Anugerah **Best of the Best Green Data Center** dan **Best Public Sector Green Data** di Green Data Center Award 2024 oleh Malaysia Industry - Government Group for High Technology.
- iii. Selain itu, JKR Malaysia juga menerima pensijilan Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001:2022 bagi Perkhidmatan Pengurusan Projek JKR. Pencapaian meneroka teknologi sebegini bukan sahaja mencerminkan komitmen JKR terhadap kemampuan ICT, namun ia juga iltizam kita seiring dengan seruan kerajaan.

Alhamdulillah pada tahun lepas juga, kita telah berjaya menganjurkan pelbagai **program jabatan** samada di peringkat jabatan mahupun di peringkat kebangsaan. Saya percaya program-program yang dianjurkan sedikit sebanyak memberikan impak kepada semua yang menyertainya, antaranya adalah:

i. Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia

- Hasil komitmen semua, SOC 2024 telah berjaya dianjurkan dengan tema '#KitaJKR: Teguh Berdiri, Memenuhi Harapan'. Tahniah kepada JKR Selangor selaku Jawatankuasa Pengelola, dan juga Jawatankuasa Induk dari Ibu Pejabat.
- Bagi SOC 2025, Tahniah JKR Negeri Terengganu kerana telah terpilih sebagai Jawatankuasa Pengelola SOC kali ini. Saya sangat teruja untuk bersama-sama tuan-puan di sana nanti.

ii. Sambutan Hari Profesional Teknikal Negara (HPTN) 2024

- Sambutan Kemuncak HPTN 2024 telah dilaksanakan dengan jayanya di PICCA Convention Center Pulau Pinang yang telah dirasmikan oleh YB Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi. Ini merupakan kali pertama sambutan kemuncak HPTN diadakan di luar lembah Klang.
- Tema HPTN 2024, "Profesional Teknikal Peneraju Kecemerlangan Teknologi" dipilih sejajar dengan aspirasi dalam usaha mempromosi penggunaan teknologi dan produk inovasi teknikal terkini yang berupaya menjadi 'game changer' kepada pemain industri.
- HPTN 2024 memberikan pengiktirafan kepada para profesion teknikal melalui Anugerah Tokoh Profesional Teknikal Negara yang yang terdiri dari tiga (3) kategori iaitu, Tokoh Kejuruteraan, Tokoh Seni Bina dan Tokoh Juruukur Bahan.
- Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Pakar iaitu YBhg. Datuk Sr Hj. Amran bin Hj. Mohd Majid telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Juruukur Bahan.
- Sambutan Kemuncak HPTN 2024 telah berjaya menarik kehadiran seramai **15,600 ribu** pengunjung. Syabas kepada semua jawatankuasa yang telah bertungkus lumus menjayakan sambutan kali ini.

Selain itu, program lain yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2024 adalah Simposium Kejuruteraan Awam dan Struktur, SLOPE Day 2024, JKR Cyber Day, Majlis Pelancaran Garis Panduan Pemetaan Bahaya dan Risiko Cerun, perasmian Bilik Gerakan Bencana (Bigben) dan pelancaran Sistem eBencana.

Di penghujung tahun 2024, Monsun Timur Laut telah berlaku yang mengakibatkan musibah banjir di beberapa negeri. Saya percaya, kita semua turut merasai dan terkesan dengan keadaan situasi mangsa banjir yang terjejas teruk. Ini menunjukkan bahawa warga JKR mempunyai empati yang tinggi sinonim dengan slogan keramat jabatan kita “Jasa Kepada Rakyat”. Susulan daripada itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia melalui inisiatif #JKRPrihatin telah mengadakan solat sunat hajat, melaksanakan kutipan sumbangan dan turut menghantar sukarelawan bagi membantu meringankan beban penduduk yang terkesan.

JKR Prihatin adalah sejajar dengan ‘Skuad Ihsan MADANI’ yang dijenamakan semula bagi operasi menyelamat, penghantaran bantuan, penyediaan Pusat Penempatan Sementara (PPS) dan juga tenaga kerja di tahap yang optimum. Penggunaan jenama ini mencerminkan hasrat nilai MADANI yang berteraskan ‘Ihsan’. Terima kasih kepada sukarelawan JKR serta seluruh warga JKR yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha murni ini. Semoga segala kebaikan dan sumbangan tuan-puan memperoleh ganjaran dari Allah S.W.T, In Shaa Allah.

4.0 PENCAPAIAN JABATAN DALAM PELAKSANAAN PROJEK TAHUN 2024

Untuk makluman semua, pencapaian JKR Malaysia pada tahun 2024 dari segi penyampaian projek adalah seperti berikut:

Status Projek Fizikal Pembinaan

Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak **1,910 projek fizikal pembinaan** yang dilaksanakan oleh JKR **bernilai RM94.442 Bilion** merangkumi;

- i. **738** projek bernilai **RM30.929 bilion** dalam peringkat pra-pembinaan;
- ii. **807** projek bernilai **RM48.259 bilion** sedang dalam pembinaan; dan
- iii. **247** projek bernilai **RM15.254 bilion** telah siap

Pelaksanaan Projek Jalan

Khusus untuk pelaksanaan projek insfrastruktur jalanraya, sehingga Disember 2024, JKR Malaysia telah melaksanakan sebanyak **413 projek** pembangunan jalan raya, naik taraf jalan, persimpangan dan jambatan dengan kos keseluruhan berjumlah **RM38.6 bilion (sambungan RMKe-11 hingga RP4 RMKe-12)**. Keseluruhan pembangunan jalan raya merangkumi:

- **130** projek di peringkat perancangan;
- **208** projek di peringkat pembinaan; dan
- **75** projek telah disiapkan.

Untuk tahun 2024, peruntukan pembangunan projek pembinaan jalan dan jambatan adalah berjumlah **RM 3.5 bilion** dengan peratus perbelanjaan sebanyak **99.5%**. Terdapat peningkatan sebanyak **38.6%** dalam prestasi perbelanjaan jika dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan pada tahun 2023 (**RM 2.5 Bilion**).

Surat Setuju Terima

JKR telah berjaya mengeluarkan **Surat Setuju Terima (SST)** melibatkan sebanyak **390 projek** dengan **nilai RM7.008 billion** pada tahun 2024 hasil komitmen semua pihak. Melalui pengeluaran SST, ia membantu menjana dan merancakkan ekonomi negara serta memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat.

Pencapaian Pelaksanaan BIM

Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 443 projek RMKe-12 sedang dilaksanakan secara BIM merangkumi:

- i. 153 projek konvensional dalaman
- ii. 98 projek secara konvensional perunding
- iii. 192 projek secara reka dan bina.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut:

- i. 3 projek telah memasuki fasa serahan
- ii. 150 projek di fasa pembinaan
- iii. 80 projek di fasa perolehan
- iv. 82 projek di fasa reka bentuk
- v. 128 projek di fasa perancangan.

Bagi memperkasakan pelaksanaan BIM di peringkat jabatan, JKR kini memiliki lesen perisian BIM dan 479 komputer berspesifikasi tinggi. Justeru, pertambahan ini seharusnya dijadikan motivasi kepada kita semua untuk lebih proaktif dalam meningkatkan pelaksanaan projek secara BIM.

Sebagaimana sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah bersetuju agar pelaksanaan BIM diperluaskan dalam projek kerajaan dan swasta mulai tahun 2024. Justeru, sebagai agensi teknikal kerajaan dan peneraju utama pelaksanaan BIM, warga JKR perlu menunjukkan amalan terbaik dan menjadi contoh kepada semua pihak. Ia juga selari dengan Pelan Strategik JKR 2021-2025, di mana mensasarkan 90% projek RP5 bernilai RM10.0 juta dan ke atas dilaksanakan secara BIM.

Status Projek Fizikal Penyelenggaraan

Bagi Projek Pemulihan, Pemuliharaan, Ubahsuai dan Naiktaraf (PPUN), berdasarkan data Sistem Pemantauan Senggaraan Bersepadu (SPSB) sehingga 31 Disember 2024, sebanyak **9,454 bilangan** kerja dengan nilai **RM12.269 Billion**.

- 383 bilangan kerja di peringkat pra pembinaan (RM 362Juta)
- 867 bilangan kerja di peringkat pembinaan (RM 7.544Bilion); dan
- 8,204 bilangan kerja telah siap dilaksanakan (RM 4.363Bilion).

Penyenggaraan Jalan dan Jambatan

Pada tahun 2024 jabatan telah menerima Peruntukan Penyenggaraan Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia sebanyak RM 2.13 bilion. Panjang jalan yang disenggara secara kumulatif di Semenanjung Malaysia adalah 14,639.53km merangkumi:

- Zon Tengah Timur (Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan) adalah 7,412.74km,
- Zon Utara (Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang) adalah 3,055.65km; dan
- Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor) adalah 4,171.14km

Untuk makluman, jabatan melalui CSFJ telah mengangkat permohonan peruntukan bagi kerja penyenggaraan jalan persekutuan di Semenanjung Malaysia sebanyak **RM5.55 billion** untuk tahun ini. Setakat 7 Januari 2025, KKR telah meluluskan permohonan ini melalui tiga (3) program berikut:

- i. Kelulusan Program Penyenggaraan Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia Bersempena **Kepengerusian ASEAN Tahun 2025** berjumlah **RM 221.3** juta.
- ii. Kelulusan Program Penyenggaraan Jalan Akibat **Bencana (Banjir) / Monsun Timur Laut (MTL)** berjumlah **RM 45.37** juta.
- iii. Kelulusan Peruntukan **Menaiktaraf Infrastruktur Jalan Di Sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)** di Sepang, Selangor berjumlah **RM 30.0** juta.

Sekolah Daif

Alhamdulillah kita masih terus diberi kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pelaksanaan projek-projek di bawahnya. Bagi pencapaian khusus projek sekolah daif 2024, sebanyak 42 projek sekolah daif telah berjaya dikeluarkan SST menggunakan kaedah perolehan khas dari Kementerian Kewangan. Projek *touch point* ini sering menjadi perhatian dan amat penting dalam usaha Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur pendidikan yang selesa dan kondusif kepada rakyat. Justeru, ia memerlukan kerjasama dan komitmen yang padu dari semua pasukan projek yang terlibat.

Pembinaan Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung (DSTB)

Pada tahun lepas juga, JKR juga dilantik sebagai Pengurus Program bagi 100 projek Pembinaan Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Projek dewan serbaguna ini sebagai salah satu KPI yang perlu dicapai dalam tahun 2024. Alhamdulillah, sebanyak 94 projek dewan serbaguna telah berjaya dikeluarkan SST. Kita mensasarkan kesemua projek dewan serbaguna yang berada di peringkat pembinaan pada 2025 akan berjaya diserahkan kepada pihak pelanggan pada tahun ini juga.

5.0 PRESTASI KEWANGAN

Sebagai peneraju dalam pengurusan projek, kita mempunyai tanggungjawab besar dalam:

- i. Menyegerakan pelaksanaan projek pembangunan,
- ii. Mempercepatkan urusan perolehan dan proses pembayaran, serta
- iii. Merancang dan melaksanakan projek dengan penuh integriti dan amanah

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan dan Mengurus

Untuk tahun 2024, kedua-dua prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan JKR Malaysia telah melepas sasaran KPI tahunan yang telah ditetapkan:

- i. Bagi prestasi **Perbelanjaan Pembangunan** jabatan, kita telah berjaya membelanjakan **100%** jumlah peruntukan yang diterima iaitu **RM11.89billion**.
- ii. Bagi **Perbelanjaan Mengurus**, kita telah membelanjakan sebanyak **100%** jumlah peruntukan yang diterima iaitu **RM1.58billion**.

Semoga momentum perbelanjaan yang positif dan proaktif ini terus dikekalkan supaya semua aktiviti, program dan projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan dan disiapkan di dalam tempoh, mencapai objektif dan mematuhi peraturan semasa yang berkuat kuasa.

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6.0 PEMANTAPAN ORGANISASI

Pemerkasaan Pembangunan Personel

Menjadi ‘orang teknikal’ dan bekerja di agensi teknikal utama negara adalah tidak mudah. Ia datang bersekali dengan tanggungjawab yang besar, malahan tugasan yang digalas oleh warga JKR penuh dengan cabaran dan mempunyai tahap kompleksiti yang tinggi. Menjurus ke arah itu, perkara utama yang sewajarnya untuk dilihat adalah pengisian jawatan strategik melibatkan pengurusan tertinggi dan pengurusan kanan jabatan khususnya. Ini adalah sangat penting supaya gerak kerja yang dirancang dapat dilaksanakan dengan kadar segera (keputusan segera). Sebarang isu dan permasalahan perlulah dibincangkan secara konsep Musyawarah agar keputusan yang dimuktamadkan adalah bersifat holistik.

Begitu juga dengan pengisian perjawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional serta Kumpulan Pelaksana kerana merekalah tonggak kepada pelaksanaan penyampaian perkhidmatan jabatan.

Merperkasakan kompetensi

Untuk terus kekal relevan dan menyambung legasi sebagai jabatan teknikal utama negara, kita perlu merangka strategi dan terus memperkasakan kompetensi warga JKR, khususnya dalam era transformasi digital. Oleh itu, saya mohon pihak CREaTE dan Ketua Disiplin masing-masing untuk meneliti

kursus/ latihan yang bersesuaian agar pembangunan kompetensi warga selari dengan keperluan semasa. Kursus atau latihan yang bertepatan dengan kompetensi secara langsung akan memberi *exposure* / pendedahan kepada pegawai muda untuk lahirkan barisan pelapis yang lebih *resilient* pada masa akan datang.

Pengiktirafan Profesional

Kita merupakan pegawai lantikan Skim Kejuruteraan, berkhidmat di JKR yang merupakan agensi teknikal utama negara. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi keutamaan untuk kita berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan Professional (Ir., Sr dan Ar.). Justeru, saya amat menggalakkan setiap pegawai untuk mendapatkan kelayakan profesional bagi memberi nilai tambah dalam kemajuan kerjaya, supaya kredibiliti seseorang pegawai itu akan lebih diyakini. Berdasarkan rekod, sehingga Disember 2024, seramai 1,482 orang mewakili 39% daripada pegawai (P&P) telah mempunyai kelayakan profesional.

Pada 11 November 2024, satu (1) majlis meraikan pegawai yang telah berjaya memperolehi kelayakan Professional telah diadakan melibatkan seramai 154 orang pegawai. Syabas dan tahniah diucapkan.

Pentauliahan, Pensijilan dan Kompetensi

Pada tahun 2024, seramai 5 orang 'Champion' Pengurusan Risiko dan 3 orang 'Champion' Penjadualan Projek telah diperaku oleh Jawatan Kuasa Pengiktirafan Champion Amalan Terbaik Pengurusan Projek.

Selain itu, seramai 482 orang pegawai JKR telah berjaya mendapat pentauliahan sebagai Pengurus Projek Bertauliah JKR melalui Program CBAS. Pegawai-pegawai yang telah mendapat pentauliahan ini kini ditempatkan di pelbagai pejabat pengurusan projek, serta di KADER. Ini bagi memastikan amalan terbaik pengurusan projek dilaksanakan dengan penuh komitmen dalam setiap fasa penyampaian projek.

Secara keseluruhannya, seramai 531 pegawai telah menerima pensijilan pelbagai disiplin melalui Program Pensijilan Kompetensi Teknikal 2024. Terdapat peningkatan jika dibandingkan dengan tahun 2023. Saya berharap jumlah penerima pensijilan akan terus meningkat demi kecemerlangan jabatan.

Dengan langkah-langkah penambahbaikan ini, kita yakin bahawa pengurusan projek yang dijalankan oleh pegawai-pegawai JKR akan lebih berdaya saing, sekali gus menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan projek-projek kerajaan yang berkualiti.

Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)

Seiring dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024-2030, Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) telah diperkenalkan bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM). Kita semua selaku penjawat awam telah ditawarkan opsyen SSPA yang telah berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024 yang lalu. Sebanyak 99.82% warga JKR telah bersetuju melilih SSPA. Bagi mana-mana pegawai yang bersetuju memilih SSPA, kita semua telah dan akan menikmati pelarasan gaji yang baru.

Prestasi kerja dan mutu penyampaian perkhidmatan kita semua haruslah seiring dengan kenaikan gaji dan peluang kemajuan kerjaya yang ditawarkan agar matlamat kerajaan untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Malaysia Berprestasi Tinggi dapat dicapai.

Pembaharuan Sistem Pengurusan Bersepadu JKR 2025

Untuk makluman, Dokumen Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) JKR Keluaran 08 yang terkini telah pun berkuatkuasa pada **3 Januari 2025** yang lalu. Ini berikutan pembaharuan dan pindaan tambahan oleh *International Organization for Standardization (ISO)*, perubahan kepada Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan pemansuhan Akta Kilang dan Jentera (AKJ) yang telah berkuatkuasa.

Pematuhan kepada Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) yang terkini, maka kesemua dokumen berkaitannya telah pun dikemaskini. Antaranya ialah:

- *Specifications and Bill of Quantities For Occupational Safety And Health In Construction Works 2025,*
- Nota Panduan Senarai Semak Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Di Tapak Bina, serta
- Garis Panduan Pelaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

7.0 PENCAPAIAN KPI JABATAN TAHUN 2024

Sebagai jabatan teknikal utama, kerajaan menaruh kepercayaan yang tinggi kepada jabatan dalam memacu industri pembinaan negara dan pastinya tanggungjawab yang digalas ini amatlah besar. Sehubungan itu, Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah penting agar setiap tugasan yang dilaksanakan adalah berpaksikan kepada sasaran kerja dan perlu dicapai bagi merealisasikan misi dan visi jabatan.

Alhamdulillah, pencapaian jabatan bagi tahun 2024 khususnya Kelompok 2 iaitu Kelompok Agensi Secara Spesifik yang menekankan kepada “Kecekapan Dan Keberkesanan Penyampaian” telah mencapai 100% sepertimana sasaran yang ditetapkan.

Semua pencapaian ini adalah hasil usaha dan kerjasama seluruh warga JKR. Adalah diharapkan kejayaan cemerlang ini akan dapat dikekalkan pada tahun-tahun akan datang.

Way Forward Pelan Strategik JKR 2026-2030

Sepertimana yang semua sedia maklum, Pelan Strategik 2021-2025 telah memasuki fasa terakhir pelaksanaannya pada tahun ini. Oleh itu, Pelan Strategik JKR 2026-2030 perlu dilancarkan pada tahun ini.

Adalah diharapkan agar Pelan Strategik JKR 2026-2030 kelak akan dapat membantu jabatan dalam merangka strategi yang lebih sistematik dan sejajar dengan inisiatif-inisiatif yang ditetapkan bagi memacu penyampaian perkhidmatan terbaik Jabatan.

8.0 PEMBUDAYAAN AMALAN TERBAIK, INOVASI DAN TEKNOLOGI JABATAN

Alhamdulillah, suka saya kongsikan, jabatan mendapat kepercayaan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi pelaksanaan Projek Pemasangan Lampu Jalan Solar LED Jenis *Integrated* di Kampung Baru Bagi Tahun 2024. Sebanyak 1,233 lampu solar LED jenis *integrated* telah dipasang dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM9.918 juta. Ia melibatkan pemasangan di 192 buah kampung di 11 buah negeri.

Bagi merealisasikan usaha Kerajaan dalam menyokong dasar Tenaga Boleh Baharu (TBB) negara, sebanyak lima (5) projek pemasangan Sistem Fotovoltaik Suria (*Grid Connected PV System*) dengan kos bernilai RM17.2Juta telah berjaya disiapkan dan diserahkan kepada pihak pelanggan.

Projek *Speed Sign with IoT Radar Sensor (SSR)* telah dinobatkan sebagai *Champion* sempena *World Summit On The Information Society (WSIS)*, anjuran *International Telecommunication Union (ITU), United Nations (UN)*.

SSR menggunakan teknologi *Internet of Things (IoT)*, *Big Data Analytics* dan teknologi radar, bagi membolehkan pengumpulan data trafik (kelajuan sebenar kenderaan, jenis kenderaan, statistik kelakuan pengguna, serta bilangan kenderaan) diperolehi secara masa nyata (*real-time*).

Dalam usaha berterusan untuk mengkomersialkan produk inovasi jabatan, saya difahamkan pihak CREaTE telah memeterai sepuluh (10) perjanjian kolaborasi dengan institusi pengajian tinggi iaitu merangkumi:

- Sembilan (9) perjanjian untuk projek penyelidikan dan
- Satu (1) perjanjian perlesenan bagi produk *Tongue and Groove Shaped Concrete Drain*.

JKR Evaluation System (JES)

Sistem JES (JKR Evaluation System) merupakan produk inovasi yang dibangunkan secara dalaman oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan. JES merupakan sistem yang menyediakan satu platform penilaian tender secara atas talian mudah diakses oleh Pegawai Penilai. JES juga berupaya menjana data dan perkiraan formula secara automatik mengikut kriteria pemilihan tender berdasarkan Garis Panduan yang telah ditetapkan serta menjamin keselamatan data yang disimpan secara berpusat. Data yang disimpan dikawal oleh Capaian Terperingkat (Access Level).

Pelaksanaan Perolehan Tender Terbuka Reka Dan Bina Menggunakan Sistem JKR E-Tender (JET)

Bagi meneruskan kelangsungan proses perolehan yang lebih telus, berintegriti dan mesra pengguna, JET Versi 2.1 dengan tambahan modul reka & bina telah diperkenalkan penggunaannya melalui tujuh (7) projek rintis yang dipilih.

Inisiatif Urus Setia JPAK (Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan)

Untuk makluman semua, Sistem MyINFRA yang diterajui oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) telah dibangunkan untuk membantu perancangan penyenggaraan berdasarkan *evidence-based*.

Penggunaan sistem ini akan diperluaskan kepada semua kementerian dan agensi kerajaan secara berperingkat bermula tahun 2025. Sistem MyINFRA merupakan pendigitalan dokumen Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) akan digunakan oleh semua Kementerian/ jabatan/ agensi berdasarkan dua (2) fasa iaitu:

- i. Penggunaan Sistem MyINFRA Fasa 1 merangkumi Modul Pendaftaran bermula pada tahun ini, dan;
- ii. Penggunaan Sistem MyINFRA Fasa 2 melibatkan keseluruhan modul merangkumi Penerimaan dan Pendaftaran, Operasi dan Penyenggaraan, Penilaian, PPUN dan Pelupusan).

Tempoh pelaksanaan pembangunan sistem MyINFRA Fasa 2 telah bermula pada 12 Ogos 2024 sehingga 11 Januari 2027. Semua Agensi Kerajaan Persekutuan dijangka dapat menggunakan sistem ini sepenuhnya pada tahun 2027.

9.0 PENERBITAN

Untuk makluman semua warga, Buku Statistik Cerun untuk Jalan-jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak termasuk WP Labuan telah diterbitkan. Buku ini mengandungi inventori cerun mengikut laluan setiap negeri, maklumat peta taburan kejadian tanah runtuhan, Jalan Persekutuan yang telah disenaraikan sebagai Jalan kritis dan pengenalan kepada sistem ISMAS. Selain itu, Buku Kos Semeter Persegi (Bangunan) Bil 1/2024 bagi bulan Januari-Jun 2024 telah dikeluarkan yang mana mengandungi maklumat berkenaan kos pembinaan projek bangunan Kerajaan yang menggunakan pelan piawai. Oleh itu, saya harap buku-buku ini dijadikan rujukan warga JKR untuk melaksanakan tugas dan amanah sepanjang perkhidmatan.

Bagi menggalakkan budaya membaca di kalangan warga, setelah sekian lamanya, pada 2024, Perpustakaan JKR Malaysia telah menerima peruntukan pembelian buku-buku baharu sebanyak RM 50 ribu. Koleksi buku-buku baharu sebanyak 119 judul telah tersedia untuk rujukan dan peminjaman.

10.0 TADBIR URUS DAN TATAKELOLA

Penggunaan Sistem Digital Document Management System (DDMS) 2.0 di JKR Malaysia

Aplikasi DDMS ialah satu sistem pengurusan rekod Kerajaan secara elektronik yang dapat meningkatkan kepentasan akses, mengurangkan penggunaan kertas serta menjamin perkhidmatan Kerajaan yang lebih telus melalui penggunaan aplikasi ICT.

Untuk makluman semua, Jabatan Digital Negara (JDN) telah memperakukan JKR Malaysia sebagai pengguna Pendigitalan Pengurusan Rekod Sektor Awam, DDMS 2.0 bermula pada 5 Disember 2024 .

Justeru, semua cawangan di Ibu Pejabat perlu mengaplikasikan DDMS untuk pengurusan rekod yang sistematik di cawangan masing-masing.

Pengurusan HRMIS

Sehingga **31 Disember 2024**, secara keseluruhannya purata peratusan pencapaian KPI HRMIS bagi JKR adalah **sebanyak 98.90%**. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Cawangan/ Bahagian yang telah berjaya menyelesaikan KPI HRMIS bagi tahun 2024. Justeru, semua Pengarah/Ketua Bahagian di peringkat Cawangan/ Bahagian dikehendaki untuk memastikan pegawai di bawah seliaan masing-masing menyelesaikan KPI HRMIS mengikut tarikh penilaian yang telah ditetapkan supaya ianya tidak menjaskan urusan perkhidmatan pegawai.

Selaras dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), melalui pelaksanaan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (*National Health Screening Initiative*) Tahun 2022, kesedaran untuk meningkatkan dan membudayakan gaya hidup sihat amatlah penting kepada penjawat awam.

Dalam memastikan rekod pemeriksaan kesihatan dapat disimpan dengan baik dan teratur, Sistem MYKJ telah mewujudkan Modul Kesihatan pada 16 Ogos 2024. Oleh itu, amatlah digalakkan kepada semua pegawai dapat menggunakan kemudahan tersebut untuk merekod maklumat kesihatan pegawai dan ahli keluarga.

Integriti dalam kalangan warga

Saya yakin, kita semua sedar yang kita perlu memikul tanggungjawab dan amanah yang besar, kerana jabatan kita berperanan untuk menyediakan prasarana dan kemudahan awam demi kesejahteraan rakyat. Justeru, marilah kita bergerak bersandarkan prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan.

Kita sememangnya telah menyepadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan dengan integriti dan sentiasa berusaha memberi kesedaran dalam kalangan warga akan kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti secara berterusan. Contohnya pada tahun lepas, buat julung kalinya sambutan Hari Integriti JKR telah diadakan dengan kerjasama dari pihak SPRM.

Jabatan juga telah melaksanakan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR) dan mematuhi keperluan ISO 37001:2016, seterusnya mendapat pensijilan SPAR daripada pihak SIRIM.

Sebagai usaha untuk jabatan kekal berintegriti, saya memohon semua Pengarah Kanan dan Pengarah-pengarah bertanggungjawab kepada pematuhan tatakelola jabatan dan garis panduan yang berkuat kuasa. Kita perlu bersama-sama memastikan jabatan bebas dari unsur penyelewengan dan salah guna kuasa. Saya juga menyeru kepada semua untuk memberi penekanan kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan yang berintegriti.

Pengurusan Aduan

Pada tahun 2024, JKR Malaysia telah menerima sejumlah **21,926 aduan awam, melalui 12 saluran rasmi aduan termasuklah menerusi aplikasi MYJalan**. Jumlah ini mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 5,641 aduan bersamaan dengan 34.64%, berbanding tahun 2023.

Dari jumlah tersebut, sebanyak 17,975 aduan adalah di bawah tanggungjawab JKR, manakala 3,951 aduan lagi bukan di bawah tanggungjawab JKR dan telah dirujuk kepada agensi berkaitan mengikut prinsip *No Wrong Door Policy* (NWD). Daripada jumlah 17,975 aduan JKR, sebanyak 96% telah berjaya ditutup pada tahun 2024. Tahniah kepada semua yang telah memberikan komitmen dalam menguruskan aduan jabatan.

Bagi merealisasikan inisiatif Jabatan dalam mencapai penyampaian perkhidmatan, terdapat tiga pencapaian utama yang telah ditetapkan selaras dengan Piagam Pelanggan JKR berkaitan pengurusan aduan, iaitu:

- Akuan penerimaan dalam tempoh satu hari bekerja,
- Maklum balas awal kepada pengadu disampaikan dalam tempoh tujuh hari bekerja,
- Penutupan aduan mestilah diselesaikan dalam tempoh 30 hari bekerja.

Sepertimana yang dimaklumkan oleh YB Menteri Kerja Raya dalam Amanat beliau baru-baru ini, **Program MYJalan sebenarnya merupakan ‘program negara’ yang mengangkat mesej keselamatan dan kesejahteraan pengguna.** Kita perlu ambil ruang yang telah disediakan ini untuk memperbaiki penyampaian perkhidmatan, terutamanya dalam pengurusan aduan. Konsep ‘whole of government approach’ dan ‘No Wrong Door Policy’ harus kita utamakan.

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kajian Kepuasan Pekerja (ESI)

Kakitangan merupakan aset penting dan sangat bernilai bagi setiap organisasi. Faktor kecemerlangan sesebuah organisasi adalah ditentukan sepenuhnya oleh keunggulan prestasi warga kerjanya. Kepuasan bekerja merupakan elemen penting yang dapat memberi impak dalam kejayaan sesebuah organisasi.

Justeru, untuk merangka langkah-langkah strategik bagi memantapkan prestasi dan memperkuuhkan imej dan reputasi organisasi, pihak Pengurusan Atasan mengambil inisiatif mendapatkan informasi situasi sebenar yang berlaku dalam kalangan kakitangan JKR. Pelaksanaan Kajian Kepuasan Kakitangan (ESI) ke atas warga JKR dilihat sangat signifikan dan efektif untuk mengkaji sikap dan tanggapan setiap kakitangan terhadap pengalaman bekerjanya.

Kajian ESI (JKR) 2024 secara atas talian telah dilaksanakan melibatkan responden daripada kakitangan JKR lantikan Persekutuan yang bertugas di seluruh pejabat JKR sama ada di ibu pejabat, negeri dan wilayah persekutuan. Hasilnya, tahap kepuasan kakitangan terhadap organisasi JKR secara keseluruhan adalah **87.11% melebihi sasaran KPI Jabatan (85%)**. Secara keseluruhannya, jabatan beroperasi pada tahap kepuasan kakitangan yang **cemerlang**.

Piagam Pelanggan

Pencapaian Piagam Pelanggan 2024 secara keseluruhan bagi lima (5) bidang perkhidmatan utama JKR adalah **95.80%** dimana telah mencapai sasaran KPI Jabatan yang ditetapkan iaitu 80%.

Semua pemilik bidang-bidang dalam Piagam Pelanggan JKR perlu komited dan memastikan pelaporan-pelaporan mencapai sasaran sukuan, seterusnya memastikan KPI tahunan tercapai. Pencapaian ini adalah penting kerana ianya akan menjadi penanda aras untuk menambah baik sistem penyampaian JKR. Begitu juga Piagam Pelanggan Edisi 2025 yang bakal dilancarkan.

11.0 PROGRAM JABATAN 2025

Untuk tahun ini, pelbagai program dan aktiviti jabatan telah dirancang dan memerlukan komitmen semua untuk menjayakannya, antaranya adalah;

- i. Hari Profesional Teknikal Negara (HPTN)
- ii. JKR Research Colloquium

- iii. Simposium Cerun Negara 2025
- iv. JKR Greenday 2025
- v. Konvensyen KIK JKR Malaysia
- vi. Seminar Pengurusan Aset Menyeluruh
- vii. JKR BIM Day
- viii. JKR Cyberday
- ix. ENCON' 25 - Electrical Engineering Conference

12.0 CABARAN

Cabarani Menangani Tohmahan di Media Massa

Saya peka terhadap pelbagai kecaman dan kritikan yang dilemparkan kepada jabatan. Ada yang mengadu mengikut saluran yang betul sepetimana diuar-uarkan, ada segelintirnya menggunakan platform media massa sebagai senjata untuk mengecam kita, waima yang paling popular kecaman melalui media sosial. Contohnya JKR tidak ambil peduli jalan berlubang, jabatan yang jangan kerja rajin dan sebagainya.

Oleh itu, setiap aduan yang dikemukakan perlu diambil tindakan dengan kadar segera dengan kaedah yang berkesan sesuai dengan kredibiliti kita sebagai jabatan teknikal utama Kerajaan. Yang lebih penting adalah pastikan kakitangan kita yang terlebih dahulu yang mengenalpasti kerosakan jalan terlibat berbanding orang awam. "Prevention is better than cure". Utamakan keselamatan pengguna jalan raya dengan memastikan jalan raya kita dalam keadaan yang baik dan selamat.

Saya juga menyeru kepada Cawangan-cawangan di Ibu Pejabat, JKR Negeri dan Daerah, Pasukan Projek untuk menguar-uarkan kerja-kerja atau aktiviti yang dilaksanakan di medial sosial dan saling tag antara kita dan yang penting jangan lupa tag kepada media sosial rasmi JKR Malaysia supaya kita bersama-sama dapat menyebar luas. Ambil peluang ini untuk menjadikan platform media sosial sebagai salah satu ruang untuk menjelaskan isu-isu yang timbul dalam skop kerja masing-masing secara berhemah dan mesra pengguna.

Secara tidak langsung, dengan cara ini kita dapat memberitahu dan menguar-uarkan akan peranan dan kepentingan JKR sebagai salah satu agensi teknikal negara. Inilah peluang untuk kita naikkan semula imej jabatan, melalui media sosial yang sememangnya platform yang amat popular pada masa kini.

Cabaran Dari Aspek Tadbir Urus Dan Tatakelola

Dalam masa yang sama, kita sebagai warga JKR perlu sama-sama bersinergi memperkasa urusan kerja, cekap dan sentiasa berdaya saing. Adakah kita akan terus kekal relevan dengan budaya kerja yang sama sebagaimana 5 hingga 10 tahun yang lalu? Pendekatan Pengurusan JKR juga perlu berubah untuk menangani isu-isu semasa. Kita mempunyai ramai *Subject Matter Experts* (SMEs) di JKR, kita ada pelbagai sistem, inovasi serta pencapaian yang membanggakan sehingga ke peringkat antarabangsa. Banyak telah saya sebutkan di awal ucapan tadi. Tetapi bagaimana kita mahu kekal *excellent* dan menyatakan keberadaan kita di mata rakyat?

Cabaran Dalam Pelaksanaan Projek

Sebagaimana semua sedia maklum, Kerajaan telah meluluskan projek – projek baharu di dalam Rolling Plan 5, RMKe-12. Oleh itu, sebanyak 901 projek telah di daftar masuk dengan 516 projek bakal dilaksanakan oleh JKR di mana 111 telah diberi pengecualian dan 274 projek adalah tidak berkenaan.

Jumlah keseluruhan kos projek yang akan dilaksanakan oleh JKR bagi RP5 adalah sebanyak RM 24.0billion. Oleh yang demikian, saya menyeru semua lapisan pengurusan projek bermula daripada pengurus program sehingga ke peringkat perekat bentuk dan penyedia tender untuk menggunakan segala *tools* dan kemahiran yang ada bagi memastikan semua projek terlibat dapat diiklan dan dikeluarkan SST mengikut Piagam Pelanggan Edisi 2025 yang telah dibangunkan.

Namun begitu, penetapan perancangan pelaksanaan projek harus mengikut *sense of urgency* dan tahap nilaiann kompleksiti yang memungkin untuk projek terlibat ditender dengan lebih awal. Saya menyeru semua Pengarah – Pengarah Kanan, Pengarah – Pengarah Cawangan dan Negeri untuk menggunakan segala *wisdom*, pengalaman dan kemahiran yang ada dalam menetapkan gerak kerja dan menyelia pasukan di bawah masing – masing.

Harapan saya dalam suku pertama tahun 2025, semasa Mesyuarat Pemantauan Projek, Pengarah – Pengarah dapat menzahirkan kemenjadian projek masing – masing dalam membuktikan keupayaan Dato' – Dato'/ Tuan – Tuan dan Puan – Puan kepada pengurusan tertinggi jabatan dan negara amnya. Sebagaimana selalu ungkapan saya kepada Pengarah-Pengarah

Kanan, anda semua bukan hanya berperanan sebagai Pengarah Kanan di JKR Malaysia semata-mata, namun sebaliknya pengarah kanan arkitek/ jurutera/ juruukur bahan/ mekanikal/ elektrikal buat Negara Malaysia". " We serve the nation". "Always dream big and do big things".

13.0 HARAPAN

Anjakan Paradigma

Antara fokus utama yang saya hasratkan pada tahun ini ialah supaya kita semua mempunyai semangat kecintaan kepada jabatan, di mana kita bersama-sama berusaha untuk menaikkan imej dan reputasi jabatan yang kita sayangi. Kita seharusnya faham yang kita tidak boleh mencapai kecemerlangan sekiranya kita bekerja secara silo. Susulan itu, moleknya kita bersama-sama bertindak sebagai satu pasukan. Saya melihat antara kunci utama ke arah aspirasi ini adalah pertamanya melalui anjakan paradigma. Dengan bahasa mudah kita berusaha dengan sukarela (*willingly*) untuk berubah ke arah yang lebih baik.

Personaliti dan imej profesional juga sangat penting kerana ia memberi kesan langsung terhadap persepsi pelanggan dan mencerminkan budaya korporat jabatan. Inisiatif jabatan dalam usaha ke arah ini adalah melalui sesi Kunjungan Hormat dan sesi Libat Urus bersama pihak luar. Inisiatif ini menggambarkan komitmen dan iltizam jabatan untuk mengukuhkan jaringan sinergi bersama dengan kementerian dan agensi luar.

Leadership Resolution

Selain melakukan perubahan dan memperhebatkan libat urus, Jabatan juga telah mengadakan program "**Leadership Resolution**". Hasrat saya sebenarnya adalah untuk menerapkan dan mempertingkatkan elemen-elemen kepimpinan dalam organisasi, pembentukan strategi dan pemikiran strategik bagi memperkasakan penyampaian jabatan.

Kita perlu menjadi contoh teladan dalam kepimpinan kepada pegawai pelapis JKR. Setiap masalah pasti ada jalan penyelesaian, yang penting kita harus bijaksana dan berfikiran kritis dalam mencari solusi, seterusnya mencapai kejayaan yang lebih besar. Oleh itu, fokus utama program ini adalah untuk memberi penekanan kepada **I2C, ICE dan PERC**. Pada masa yang sama, iaanya perlu disokong dengan nilai teras seperti integriti serta komitmen seluruh warga.

Justeru, besar harapan saya agar akan adanya perubahan dan impak terhadap perkhidmatan utama jabatan pada tahun ini. Membangunkan lapisan barisan pemimpin pada masa hadapan adalah tidak mudah, waima untuk memupuk nilai dan tingkah laku dalam mencapai matlamat juga ada cabarannya.

Menghayati semangat '**I am JKR**', maka bermulalah perjalanan hala tuju yang lebih segar dan dinamik dalam usaha menyatukan warga JKR di semua peringkat. Melalui **satu visi, satu misi, satu objektif, dan satu hala tuju**, sekaligus memastikan JKR terus menjadi penyedia perkhidmatan yang unggul.

Sentiasalah sematkan ruh dan semangat kebersamaan dalam diri agar ianya sentiasa terpahat di sanubari.

**#IamJKR
#KitajKR
#JKRsSynergy
#JasaKepadaRakyat**

Penerapan Nilai Itqan

Setiap pesanan yang saya nyatakan tadi, In Syaa Allah akan tercapai apabila setiap tindakan diterapkan dengan nilai Itqan. Itqan dengan bahasa mudah bermaksud tekun dalam beramal atau melaksanakan sesuatu pekerjaan secara sempurna dan disertai dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

Sepertimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi,

Maksudnya: “Tetapi Allah kasih kepada pekerja (yang melakukan sesuatu amalan) yang apabila dia melakukan sesuatu amalan hendaklah melakukannya dengan baik”,

Al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Iman, Hadith 4932.

Justeru, dalam usaha untuk memupuk sifat dan sikap ke arah itu, beberapa siri kursus pemantapan integriti telah dilaksanakan bagi mengukuh jati diri, di samping membudayakan nilai-nilai teras integriti dan komitmen yang tinggi terhadap tanggungjawab dalam perkhidmatan. Pemupukan nilai-nilai tersebut, pastinya akan menyemai sifat tekun dalam diri serta perasaan “sense of belonging” terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan.

14.0 PENUTUP

Kita harus bersyukur dengan segala nikmat yang diperolehi, setiap kejayaan dan pencapaian wajar dihargai, namun jangan kita mudah berasa selesa atas apa yang telah kita capai. Warga JKR perlu sentiasa berusaha untuk meneroka, mencari idea serta menghasilkan inovasi baharu agar jabatan kekal menjadi pakar rujuk dan peneraju industri pembinaan negara.

Fikirkan satu organisasi JKR di masa hadapan, di mana generasi akan datang bersemangat untuk mengikuti jejak langkah kita bukan kerana terpaksa tetapi terinspirasi dari kita hari ini.

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh